

## KTM terima lapan set tren elektrik dua tahun lagi

PULAU PINANG 8 Nov. - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan menerima lapan set kereta api elektrik dalam masa dua tahun lagi yang akan dapat meningkatkan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS).

Presidennya, Dr. Aminuddin Adnan berkata, tren tersebut akan digunakan bagi semua laluan tren elektrik dari Padang Besar-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Seremban dan Seremban-Gemas apabila ia beroperasi kelak.

"Tren tersebut akan mempunyai enam gerabak dan yang menariknya terdapat juga gerabak kelas pertama dan biasa yang memberi pengguna pilihan dalam memilih keselesaan dalam perjalanan mereka.

"Ia akan memberikan satu lembaran baru kepada perkhidmatan tren di negara ini yang lebih baik dan mesra alam dalam mengorak langkah ke arah negara maju," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas mengikuti lawatan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ke Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) yang diketuai oleh Pengerusinya, Tan Sri Syed Hamid Albar serta Pengarah Projek PLBE Ipoh-Padang Besar, Datuk Mohd. Nor Idrus.

Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar dijangka siap menjelang akhir 2013 dan landasan Seremban-Gemas menje-



**SYED Hamid Albar (empat dari kiri) melawat kawasan projek pembinaan landasan berkembar milik Keretapi Tanah Melayu di Pulau Pinang, baru-baru ini.**

lang tahun depan.

Aminuddin berkata, jumlah penumpang dijangka meningkat apabila PLBE siap iaitu daripada 20 peratus rakyat yang menggunakan tren ketika ini kepada 40 peratus pada masa akan datang.

Menurutnya, ia adalah berpandukan kejayaan ETS Kuala Lumpur ke Ipoh yang mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Katanya, tidak kira apa tujuannya, tren tersebut banyak memberikan kemudahan kepada penumpang di samping mesra alam dan juga menjimatkan masa perjalanan.

Sementara itu, Aminuddin memberitahu, perkhidmatan komuter di Lembah Klang juga dalam proses naik taraf bagi keselesaan pengguna.

Beliau berkata, dua set tren baru akan mula digunakan pada hujung bulan hadapan dan Januari tahun depan bagi mengatasi masalah kese-

sakan dan kelewatan tren komuter.

Menurutnya, set tren tersebut terdiri daripada enam gerabak berbanding tiga gerabak pada set tren yang digunakan kini dan akan dapat meningkatkan jumlah penumpang kepada tiga kali ganda pada satu-satu masa.

"Permintaan terhadap perkhidmatan itu dijangka meningkat kepada 200,000 orang berbanding 90,000 setiap hari ketika ini," katanya.